

# Perodua mahu tingkatkan kadar lulus kereta

UM 13 NOV 2001  
PETALING JAYA 12 NOV  
Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd., (Perodua) menjangka dapat meningkatkan kadar lulus (*pass rate*) pemeriksaan keretanya kepada 90 peratus pada tahun 2003 berbanding 75 peratus sekarang.

Bagi kadar lulus operasi, Perodua berharap ia mencapai tahap 95 peratus pada tahun 2003 berbanding 84 peratus tahun ini, kata Pengarah Urusannya, Datuk Ab. Rahman Omar.

Kadar lulus dan operasi menggambarkan tahap papaian kualiti kereta-kereta Perodua sebelum berada di dalam pasaran.

Beliau berkata: "Jika dulu, pada bulan Julai, setiap 100 kereta yang kami keluarkan, 30 buah daripadanya lulus manakala bakinya akan kembali memasuki barisan pengeluaran untuk kelulusan."

Ab. Rahman berkata demikian pada sidang akhbar di majlis memeterai perkhidmatan kontrak pihak ketiga di antara Perodua dan Konsortium Logistik Bhd., (Konsortium) di sini hari ini.

Perodua diwakili oleh Ab. Rahman manakala Konsortium pula oleh Pengerusi Eksekutifnya, Mirzan Mahathir.

Konsortium itu telah dilantik oleh Perodua untuk mengendali dan menyerahkan komponen-komponen automotif ke kilang untuk pengeluaran terakhir kenderaan Perodua dan langkah itu akan meningkatkan keberkesanan operasi syarikat automotif itu.

Kini Perodua kata Ab. Rahman, telah berjaya menjimatkan dua hingga tiga peratus kos pengeluaran, namun beliau enggan mendedahkan nilainya.

Mengulas mengenai nilai kontrak yang ditandatangani dengan Konsortium, beliau memberitahu secara keseluruhan nilai logistik komponen-komponen Perodua mencecah RM200 juta sebulan.

"Mereka (Konsortium) boleh dapat 50 peratus daripada jumlah itu," katanya lagi sambil menambah itupun jika Perodua berpuas hati dengan perkhidmatan mereka.

Konsortium itu kini diberi tugas mengendalikan komponen-komponen dari 62 syarikat vendor Perodua dan akan ditambah kepada 12 syarikat vendor pada awal tahun hadapan.

Perodua kini mempunyai 132 vendor.